

AIM Akan Terus Dibantu Kembangkan Peranan Basmi Kemiskinan - Najib Bernama
23 September , 2011

PETALING JAYA, 23 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) akan terus dibantu bagi mengembangkan lagi peranannya mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Perdana Menteri berkata sejak ditubuhkan pada 1987 hingga kini, pelbagai program pembangunan masyarakat yang selari dengan agenda kerajaan telah dijayakan, dan terbaru AIM dipertanggungjawab melahirkan 4,000 usahawan wanita menjelang akhir tahun depan.

"AIM telah memberi sumbangan sangat bermakna bagi menjayakan satu daripada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), iaitu di bawah NKRA meningkatkan taraf hidup rakyat seperti yang diumumkan kerajaan.

"Inisiatif ini, melalui AIM, adalah selari dengan hasrat kerajaan dalam Model Baru Ekonomi (MBE) untuk membentuk negara berpendapatan tinggi di samping menambah pendapatan rakyat," kata Najib ketika berucap pada sambutan 25 tahun penubuhan AIM dan perasmian Menara Amanah Ikhtiar di Bandar Sri Damansara, di sini, Jumaat.

Beliau berkata selain mengeluarkan keluarga sahabat AIM seramai 280,000 di seluruh negara daripada paras kemiskinan, AIM juga berjaya mentransformasikan atau melahirkan usahawan berjaya sehingga ke tahap industri kecil dan sederhana (IKS).

Najib berkata apa yang menarik mereka ini bermula secara kecil-kecilan dengan pinjaman mikro kredit permulaan serendah RM500, kini mampu memperoleh pendapatan mencecah RM60,000 sebulan. Malah lapan jutawan berjaya dilahirkan melalui skim ini.

Perdana Menteri turut memuji rekod bayaran balik sahabat AIM yang mencapai paras 99.5 peratus, yang disifatkannya jauh lebih baik berbanding pinjaman Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN).

AIM mengeluarkan pembiayaan terkumpul RM5.6 bilion sehingga Julai lepas, dengan jumlah sahabat mewakili isi rumah seramai 280,000 orang.

"Dengan jumlah pembiayaan kumulatif berjumlah RM5.6 bilion ini, AIM berjaya menggandakan pusingan dana kerajaan sebanyak 7.8 kali," katanya.

Najib menyambut baik cadangan supaya sebuah akademi latihan diwujudkan bagi memantapkan lagi sahabat AIM untuk mencapai kejayaan lebih besar dengan lebih cepat di masa hadapan.

Beliau berharap kerajaan negeri tampil menawarkan tapak sesuai untuk pembinaan yang boleh dijayakan secara bersama melibatkan AIM dan kerajaan negeri terbabit.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615451>